

17 MAY 1998

Pas-Sabah

PAS AKAN BERTANDING DI SABAH

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Pas akan bertanding dalam pilihan raya negeri Sabah yang dijangka parti itu berlangsung pada akhir tahun ini.

Presiden Pas Datuk Haji Fadzil Mohd Noor berkata, Pas Sabah telah diminta menyediakan laporan mengenai jumlah kerusi dan kawasan pilihan raya yang akan ditandingi.

"Pilihan raya yang lepas pun kita masuk, pilihan raya kali ini insyaAllah kita akan masuk juga," katanya kepada pemberita semasa ditemui pada Muktamar Tahunan Pas ke-44 di Markaz Tarbiah Pas di Taman Melewar di sini hari ini.

Pas mempunyai penyokong di beberapa kawasan di Sabah termasuk di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan.

Ditanya mengenai peluang Pas untuk menang di kawasan-kawasan pilihan raya yang akan ditandingi di Sabah beliau berkata: "Itu saya tak boleh kata, tahulah politik Sabah cukup susah, tapi walau macam manapun kita akan masuk (bertanding)."

Sementara itu, muktamar itu yang berakhir hari ini meluluskan lima usul termasuk mendesak kerajaan menggubal undang-undang yang boleh menghalang umat Islam menjadi murtad dan sebarang usaha yang boleh memurtadkan umat Islam.

Usul lain ialah mendesak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) memansuhkan sistem undian pos dan ketetapan bahawa calon-calon yang bakal dipilih mewakili parti itu dalam pilihan raya dipastikan terdiri daripada mereka yang istiqamah (secara berterusan) dengan Pas.

Satu lagi usul ialah mendesak Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan kabinetnya meletakkan jawatan jika mereka gagal menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi di negara ini dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini.

Usul juga diluluskan supaya Pas melancarkan kempen memulaukan barangan yang mengeksploitasikan wanita dan Pas pusat menghantar memorandum kepada pihak berkenaan agar membatalkan dan tidak mengeluarkan permit pengiklanan barangan berkenaan.

-- BERNAMA

AFY AKD